

PEMBERITAHU PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' SRI WEE JECK SENG
KAWASAN : TANJONG PIAI
TARIKH :
NO. SOALAN : 155

DATO' SRI WEE JECK SENG minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah pelaburan luar negara untuk sektor swasta dan awam yang dilabur oleh rakyat Malaysia mengikut negara dan apakah tindakan yang diambil untuk menggalakan pelaburan tersebut dibuat dalam negara?

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan perangkaan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), jumlah pelaburan Malaysia di luar negara setakat Jun 2017 adalah RM573.5 bilion.

Singapura mencatatkan peratus jumlah pelaburan luar Malaysia tertinggi iaitu 16.4%, diikuti oleh Indonesia (9.5%) dan Mauritius (7.1%). Bagi kedudukan mengikut blok negara pula, ASEAN mencatatkan pelaburan tertinggi dengan 30.2% jumlah pelaburan, diikuti oleh Eropah (16.9%) dan Amerika Tengah dan Selatan (15.4%). Butiran lanjut pelaburan Malaysia di luar negara adalah seperti berikut:

Blok Negara	Nilai (RM juta)	Peratus (%)
ASEAN	173,054	30.2
<i>Singapura</i>	<i>93,772</i>	<i>16.4</i>
<i>Indonesia</i>	<i>54,271</i>	<i>9.5</i>
<i>Thailand</i>	<i>8,368</i>	<i>1.5</i>
<i>Viet Nam</i>	<i>6,481</i>	<i>1.1</i>
<i>Filipina</i>	<i>1,164</i>	<i>0.2</i>
Eropah	96,901	16.9
<i>United Kingdom</i>	<i>30,127</i>	<i>5.3</i>
<i>Belanda</i>	<i>6,813</i>	<i>1.2</i>
<i>Jerman</i>	<i>3,064</i>	<i>0.5</i>
Amerika Tengah dan Selatan	88,562	15.4
<i>Kepulauan Cayman</i>	<i>30,110</i>	<i>5.3</i>
<i>Kepulauan Virgin British</i>	<i>21,785</i>	<i>3.8</i>
Afrika	46,823	8.2
<i>Mauritius</i>	<i>40,445</i>	<i>7.1</i>
Amerika Utara	44,334	7.7

Blok Negara	Nilai (RM juta)	Peratus (%)
<i>Amerika Syarikat</i>	5,509	1.0
Oceania	42,541	7.4
<i>Australia</i>	30,706	5.4
Asia Selatan	41,263	7.1
<i>India</i>	20,110	3.5
Timur Laut Asia	26,692	4.7
<i>Hong Kong</i>	15,328	2.7
<i>China</i>	9,114	1.6
<i>Taiwan</i>	2,662	0.5
Asia Barat	13,334	2.3
<i>UAE</i>	913	0.2
Jumlah	573,508	

Kementerian ini walau bagaimanapun, tidak mempunyai maklumat berhubung pelaburan Malaysia di luar negara mengikut pecahan sektor awam dan sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif dalam menggalakkan pelaburan oleh syarikat-syarikat Malaysia di dalam negara. Antara yang dilaksanakan adalah:

- (i) Mengadakan seminar pelaburan di peringkat nasional antara lain bagi memberi pendedahan kepada syarikat-syarikat di Malaysia mengenai polisi semasa, galakan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan serta menyediakan platform '*networking*' di antara para peserta dengan agensi-agensinya kerajaan yang berkaitan;

- (ii) Mengajukan Persidangan "*MNCs and SMEs Supply Chain Development and Opportunities*". Objektif utama persidangan ini adalah:
- memberikan pendedahan kepada syarikat-syarikat tempatan mengenai keperluan untuk menyertai rantai bekalan syarikat-syarikat multinasional;
 - menyediakan peluang untuk syarikat-syarikat tempatan mengembangkan akses pasaran perniagaan mereka; dan
 - menggalakkan syarikat-syarikat multinasional di Malaysia menggunakan produk dan perkhidmatan syarikat tempatan; dan
- (iii) Menawarkan insentif-insentif khusus bagi penggalakkan pelaburan tempatan seperti Galakan Taraf Perintis, Elaun Cukai Pelaburan dan Elaun Pelaburan Semula